



## KENYATAAN AKHBAR KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### PRODUK-PRODUK KOSMETIK YANG DIKESAN MENGANDUNGI RACUN BERJADUAL

1. Bahagian Regulatori Farmasi Negara (NPRA), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) ingin menggesa orang awam untuk mengelak daripada membeli dan menggunakan produk kosmetik berikut kerana dikesan mengandungi racun berjadual seperti di bawah:

Bil.	Nama Produk	Racun Berjadual Yang Dikesan
1.	Brilliant Skin Essentials Whitening Facial Cream	Tretinooin

2. Notifikasi produk kosmetik terlibat telah dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi, KKM. Oleh itu, produk kosmetik tersebut tidak lagi dibenarkan untuk dijual di Malaysia.

### PERIHAL BAHAN RACUN BERJADUAL

3. Produk yang mengandungi **tretinooin** adalah ubat yang perlu berdaftar dengan Pihak Berkusa Kawalan Dadah dan hanya boleh digunakan dengan nasihat profesional kesihatan. Penggunaan produk yang mengandungi bahan tersebut **tanpa pengawasan profesional kesihatan** boleh menyebabkan kesan-kesan sampingan yang tidak diingini seperti bahagian kulit yang disapu menjadi kemerahan, tidak selesa, pedih, mengelupas dan hipersensitif kepada cahaya matahari.

### PERINGATAN KEPADA PENJUAL DAN PENGEDAR PRODUK KOSMETIK INI

4. Penjual dan pengedar produk kosmetik ini perlu menghentikan penjualan dan pengedaran produk kosmetik tersebut dengan serta-merta. **Penjualan dan pengedaran** produk kosmetik ini adalah melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

5. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

## **PERINGATAN KEPADA ORANG AWAM**

6. Orang awam yang sedang menggunakan produk kosmetik ini dinasihatkan untuk segera menghentikan penggunaannya dan mendapatkan nasihat daripada ahli profesional kesihatan jika mengalami sebarang ketidakselesaan atau kesan advers.
7. Orang awam digalakkan untuk menyemak status notifikasi sesuatu produk kosmetik dengan melayari laman sesawang rasmi NPRA [www.npra.gov.my](http://www.npra.gov.my) atau melalui aplikasi ‘NPRA Product Status’ yang boleh dimuat turun daripada *Google Play Store*.

TAN SRI DATO' SERI DR NOOR HISHAM BIN ABDULLAH  
Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia

LAMPIRAN

**Nama Produk: 1. Brilliant Skin Essentials Whitening Facial Cream**

